

RIVOPAM TABLET

Clonazepam (0.5mg/2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan RIVOPAM
2. Bagaimana berfungsi RIVOPAM
3. Sebelum menggunakan RIVOPAM
4. Cara menggunakan RIVOPAM
5. Semasa menggunakan RIVOPAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan RIVOPAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan RIVOPAM

Rivopam digunakan untuk merawat epilepsi di kalangan bayi, kanak-kanak dan orang dewasa. Ia mengurangkan kejadian sawan.

Hubungi doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan tentang tujuan ubat ini dibekalkan kepada anda.

Bagaimana RIVOPAM berfungsi

Rivopam mengandungi ubat yang dikenali sebagai clonazepam. Ia tergolong dalam kumpulan ubat yang dinamakan '*benzodiazepine*'.

Sebelum menggunakan RIVOPAM

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Rivopam jika anda alah terhadap:

- ubat yang mengandungi clonazepam atau *benzodiazepine* yang lain
- sebarang kandungan yang disenaraikan di hujung risalah ini
- Beberapa simptom-simptom reaksi alahan termasuklah ruam kulit, gatal-gatal atau bintik-bintik merah; Bengkak pada muka, bibir atau lidah, yang mungkin akan menyebabkan kesukaran untuk menelan atau bernafas; berdehit atau sesak nafas.

Jangan mengambil Rivopam jika anda mempunyai:

- depresi respiratori (kadar pernafasan menurun)
- penyakit paru-paru
- ketagihan alkohol

Jika ia telah luput atau rosak, pulangkan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti sama ada anda patut mula mengambil ubat ini, sila tanya doktor anda.

- Sebelum mula mengambil RIVOPAM

Beritahu doktor anda jika anda alah terhadap sebarang ubat lain, makanan, pewarna atau pengawet

Beritahu doktor anda jika anda hamil atau bercadang untuk hamil.

Ia adalah tidak diketahui sama ada Rivopam adalah selamat untuk diambil semasa kehamilan

Oleh itu, jika terdapat keperluan untuk mengambil Rivopam semasa kehamilan,

doktor anda akan membincangkan risiko dan manfaat dengan anda.

Beritahu doktor anda jika anda menyusukan bayi atau bercadang untuk menyusu.

Rivopam tidak digalakkkan penggunaannya semasa penyusuan bayi kerana ia meresap masuk ke dalam susu ibu.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan berikut:

- masalah hati
- masalah buah pinggang
- masalah paru-paru

Doktor mungkin mahu anda berhati-hati jika anda mengalami mana-mana sebarang masalah :

- Beritahu doktor anda jika anda minum alkohol .
- Alkohol boleh menukar kesan Rivopam dan mungkin menyebabkan anda mengalami serangan sawan .
- Jika anda telah tidak memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai mana-mana di atas, beritahu mereka sebelum anda mula mengambil Rivopam .

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda mempunyai apa-apa pemikiran membunuh diri.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi

daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Doktor anda dan ahli farmasi mungkin mempunyai maklumat lanjut mengenai ubat yang patut anda berhati-hati atau dielakkan semasa mengambil Rivopam .

Cara menggunakan RIVOPAM

- Berapa banyak harus digunakan

Tablet 0.5mg

Bayi

1-2 biji tablet dibahagikan kepada 3 – 4 dos dalam sehari.

Kanak-kanak

2 – 5 tahun

3-6 biji tablet dibahagikan kepada 3 – 4 dos dalam sehari.

6 – 12 tahun

6-12 biji tablet dibahagikan kepada 3 – 4 dos dalam sehari.

Dewasa

8-16 biji tablet dibahagikan kepada 3 – 4 dos dalam sehari.

Tablet 2mg

Bayi

¼ - ½ biji tablet dibahagikan kepada 3 – 4 dos dalam sehari.

Kanak-kanak

2 – 5 tahun

¾ - 1 ½ biji tablet dibahagikan kepada 3 – 4 dos dalam sehari.

6 – 12 tahun

1 ½ - 3 biji tablet dibahagikan kepada 3 – 4 dos dalam sehari.

Dewasa

2 - 4 biji tablet dibahagikan kepada 3 – 4 dos dalam sehari

- Bila perlu digunakan

Telan tablet dengan segelas air.

Bergantung kepada dos anda, doktor anda mungkin mencadangkan anda untuk

mengambilnya tiga atau empat kali sehari.

Ambil Rivopam pada masa yang sama setiap hari.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Rivopam selagi diarahkan oleh doktor anda.

Rivopam membantu mengawal keadaan anda, tetapi tidak menyembuhkannya. Oleh itu, adalah sangat penting untuk mengambilnya setiap hari.

- Jika terlupa menggunakan

Jika sudah dekat waktu dos seterusnya, tinggalkan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya mengikut jadual biasa.

Jika tidak, ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat dan kemudian kembali mengambil ubat anda seperti biasa.

Jangan menggantikan dos yang tertinggal dengan mengambil lebih daripada satu dos pada masa yang sama.

Jika anda tertinggal lebih daripada satu dos, atau tidak pasti apa yang perlu dibuat, bincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil Rivopam, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Simptom-simptom termasuk rasa mengantuk dan pergerakan tidak selaras.

Semasa menggunakan RIVOPAM

- Perkara yang perlu dilakukan

Sebelum mula mengambil sebarang ubat baru, beritahu doktor atau ahli farmasi anda bahawa anda sedang mengambil Rivopam.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Rivopam.

Beritahu doktor anda dengan segera, jika anda hamil ketika mengambil Rivopam.

Beritahu doktor anda jika anda rasa Rivopam tidak membantu keadaan anda

Jika anda masih mengalami sawan, doktor anda mungkin perlu menyelaraskan dos ubat anda.

Beritahu doktor anda, jika atas sebab-sebab tertentu, anda tidak mengambil Rivopam seperti yang diarahkan.

Jumpa doktor anda dengan kerap agar mereka boleh memeriksa perkembangan anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan minum alkohol semasa mengambil Rivopam.

Alkohol boleh mempengaruhi cara Rivopam bertindak dan mungkin akan menambahkan lebih banyak kejadian sawan.

Rivopam boleh menyebabkan rasa mengantuk, pening atau menjelaskan kecerdasan pada sesetengah orang. Kesan ini mungkin akan berlanjutan sehingga hari berikutnya.

Oleh itu, pastikan anda tahu bagaimana Pil Rivopam akan mempengaruhi anda sebelum anda memandu, mengendalikan mesin atau melakukan apa-apa yang mungkin merbahaya.

Kanak-kanak tidak patut menunggang basikal, memanjat pokok atau melakukan perkara lain yang boleh membahayakan jika mereka rasa mengantuk.

Jangan mengambil Rivopam melebihi tempoh masa yang diarahkan oleh doktor anda.

Jangan berhenti mengambil Rivopam atau menukar dosnya tanpa berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu.

Epilepsi anda akan bertambah teruk jika anda berhenti mengambil ubat ini dengan tiba-tiba. Doktor anda akan memberitahu anda bagaimana untuk mengurangkan pengambilan Rivopam secara beransur-ansur sebelum berhenti sepenuhnya.

Jangan biarkan diri anda kehabisan Pil Rivopam pada hujung minggu atau semasa bercuti.

Jangan mengambil ubat anda untuk merawat sebarang masalah lain melainkan diarah oleh doktor anda.

Jangan beri ubat anda kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika Rivopam diberikan kepada kanak-kanak, anda perlu berhati-hati dan memastikan mereka boleh bernafas tanpa kesukaran.

Rivopam mungkin meningkatkan jumlah air liur dan cecair di dalam saluran pernafasan.

Sesetengah orang mungkin mengalami kesan sampingan seperti rasa mengantuk, keliru dan ketidakseimbangan, yang mungkin akan meningkatkan risiko jatuh.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda rasa tidak sihat selepas mengambil Rivopam.

Rivopam membantu kebanyakan orang yang mempunyai epilepsi, tetapi ia mungkin membawa kesan sampingan di kalangan sesetengah orang.

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khuatir dengan senarai ini.

Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut yang membimbangkan anda:

- mengantuk, keletihan
- pening, gayang
- ketidakseimbangan semasa berjalan
- kelemahan otot.
- pertuturan tidak jelas
- hilang ingatan, kekeliruan, kurang tumpuan, reaksi lambat
- air liur bertambah
- kesesakan dada

- sakit kepala

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana yang berikut:

- Perubahan tingkah laku seperti agresif, agitasi, cepat marah, kemurungan, kegelisahan.
- gangguan tidur yang serius
- halusinasi atau khayalan
- berdarah atau lebam lebih mudah daripada biasa
- loya, sembelit, mulut kering, lidah bersalut, dahaga yang tidak normal , sakit gusi .

Senarai di atas termasuk kesan sampingan yang serius yang mungkin memerlukan perhatian perubatan. Sebahagian daripada kesan sampingan jarang berlaku.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang berikut, beritahu doktor anda dengan segera atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat:

- bengkak pada muka, bibir, mulut, tekak atau leher, yang mungkin akan menyebabkan kesukaran menelan atau bernafas
- pengsan
- mengalami sawan yang lebih kerap.
- kesukaran bernafas, kesesakan nafas

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga berlaku pada sesetengah orang .

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan RIVOPAM

- Penyimpanan

Simpan ubat anda di tempat yang sejuk dan kering pada suhu bawah 25°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Jangan simpan Rivopam atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

Sebuah almari berkunci sekurang-kurangnya satu dan setengah meter di atas tanah adalah tempat yang baik untuk menyimpan ubat-ubatan .

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil Rivopam atau ubat ini sudah melepassi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

• **Rivopam Tablet 0.5mg**

Pil bulat berwarna putih, berdiameter 7 mm dan bertanda 'd' dan 'bunga'.

• **Rivopam Tablet 2mg**

Pil bulat berwarna putih, berdiameter 7 mm dan bertanda 'DUO 861' dan 'd'.

- Bahan-bahan kndungan

Bahan aktif:

Setiap Rivopam Tablet 0.5mg mengandungi 0.5mg clonazepam

Setiap Rivopam Tablet 2mg mengandungi 2mg clonazepam

Bahan tidak aktif:

- *Cornstarch*
- *Magnesium Stearate*
- *PVP*
- *Talcum*
- *Promigel*
- *Tween 80*
- *Lactose*

- Nombor MAL

Rivopam Tablet 0.5mg:

MAL19950145A

Rivopam Tablet 2mg:

MAL19950146A

Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)

Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)

Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

9/12/2014

Nombor Siri

BPK(R4/1)091214/00078